



11 JUL, 2021

Pasar Segar Terkawal, Pasar Tani ditambah di negeri Fasa Dua PPN

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2



MELAWAT: Ahmad Hamzah (dua kiri) diiringi Shahrizan (kiri) melawat gerai jualan di Pasar Tani Kekal Datin Halimah, Johor Bahru, semalam. — Gambar Bernama



DAPAT BEKALAN: Pasar Segar Terkawal (PST), Datin Halimah, Johor Bahru menawarkan pelbagai barangan basah di bawah kendalian Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi memastikan penduduk setempat mendapat bekalan makanan yang mencukupi ketika fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN), Johor Bahru, semalam. — Gambar Bernama

Pasar Segar Terkawal, Pasar Tani ditambah di negeri Fasa Dua PPN

JOHORBAHRU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) merancang untuk menambah 10 Pasar Segar Terkawal (PST) dan 14 Pasar Tani di negeri yang berada di Fasa Dua Kawalan Pergerakan dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, langkah itu bagi memastikan kelangsungan bekalan dan pengedaran makanan negara sekali gus dapat membantu 2,595 petani untuk memasarkan hasil pertanian mereka.

“Kita memang dalam perancangan untuk menambah lagi PST seluruh negara dan apabila ada negeri-negeri yang beralih kepada fasa dua, kita bukan hanya tambah PST tetapi juga Pasar Tani.

“Dijangka 10 buah PST dan 14 Pasar Tani itu akan memulakan operasi dalam tempoh terdekat,” katanya pada sidang media di pejabat

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Johor di sini semalam.

PST dan Pasar Tani hanya dibenarkan beroperasi di negeri-negeri beralih ke Fasa Dua PPN, manakala hanya PST sahaja yang beroperasi di negeri fasa pertama.

Beliau berkata demikian ketika mengulas perancangan MAFI untuk menambah PST dan Pasar Tani di seluruh negara bagi membantu petani memasarkan produk mereka.

Sementara itu, Ahmad berkata menerusi program MAFI Prihatin, sebanyak 300 penerima terdiri daripada petugas dan penghuni Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Johor serta beberapa rumah kebajikan di bandar raya ini hari ini menerima sumbangan sayur-sayuran dan buah-buahan hasil kerjasama Kooperasi Pemasar FAMA Johor Berhad. — Bernama



11 JUL, 2021

Pasar Segar Terkawal, Pasar Tani ditambah di negeri Fasa Dua PPN

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

MELAWAT: Ahmad Hamzah (dua kiri) diiringi Shahrizan (kiri) melawat gerai jualan di PasarTani Kekal Datin Halimah, Johor Bahru, semalam. — Gambar Bernama

DAPAT BEKALAN: Pasar Segar Terkawal (PST), Datin Halimah, Johor Bahru menawarkan pelbagai barangan basah di bawah kendalian Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi memastikan penduduk setempat mendapat bekalan makanan yang mencukupi ketika fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN), Johor Bahru, semalam.